

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK KAPASITI PENGGUNAAN INDUSTRI PEMBUATAN SUKU KEEMPAT 2024

Kapasiti penggunaan industri Pembuatan beroperasi dengan kadar 81.8 peratus pada tahun 2024

PUTRAJAYA, 25 FEBRUARI 2025 – Kapasiti penggunaan industri Pembuatan beroperasi dengan kadar 81.8 peratus pada tahun 2024, meningkat 2.4 mata peratus berbanding negatif 1.0 mata peratus pada tahun lepas. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Statistik Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan, Malaysia, Suku Keempat 2024** pada hari ini.

Mengulas laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Kapasiti penggunaan industri Pembuatan adalah 81.9 peratus pada suku keempat 2024, meningkat 2.0 mata peratus berbanding suku tahun yang sama pada tahun sebelumnya (ST4 2023: 79.9%). Pada suku tahun ini, semua subsektor mencatatkan kapasiti penggunaan melebihi 80 peratus dengan kadar tertinggi direkodkan oleh subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka pada 84.7 peratus; diikuti dengan Produk tekstil, pakaian, kulit & kasut (83.4%); dan Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain (82.0%). Walau bagaimanapun, berbanding suku tahun sebelumnya kapasiti penggunaan industri Pembuatan mencatatkan penurunan yang kecil iaitu 0.5 mata peratus (ST3 2024: 82.4%)."

Peningkatan tahun ke tahun dalam prestasi kapasiti penggunaan bulanan direkodkan sepanjang suku keempat 2024 yang mana Oktober 2024 (81.9%; +1.5 mata peratus), November 2024 (82.2%; +2.1 mata peratus) dan Disember 2024 (81.4%; +2.2 mata peratus). Selain itu, faktor-faktor seperti permintaan yang rendah; bekalan bahan yang tidak mencukupi; dan pembalakan & penyelenggaraan mesin & kelengkapan kekal sebagai punca utama kepada kapasiti penggunaan tidak penuh dalam industri Pembuatan.

Ketua Perangkawan menambah, "Kapasiti penggunaan bagi industri berorientasikan eksport meningkat 2.4 mata peratus kepada 80.9 peratus (ST4 2023: 78.5%). Pembuatan perabot mencatatkan kadar tertinggi iaitu pada 87.8 peratus, diikuti dengan Pembuatan jentera & peralatan t.t.t.l. (86.9%). Namun begitu, dua industri merekodkan kapasiti penggunaan di bawah 80 peratus iaitu Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (77.6%); dan Pembuatan kayu & produk kayu & gabus, kecuali perabot, pembuatan bagi artikel jerami & bahan-bahan anyaman (76.9%). Berbanding suku ketiga 2024, kadar kapasiti penggunaan bagi industri berorientasikan eksport menurun secara marginal sebanyak 0.9 mata peratus daripada 81.8 peratus pada suku tahun sebelumnya.


Pada masa yang sama, kapasiti penggunaan industri berorientasikan domestik kekal positif walaupun pada kadar yang lebih perlahan iaitu 1.0 mata peratus kepada 83.9 peratus pada suku keempat 2024. Dua industri dalam segmen ini mencatatkan kadar kapasiti penggunaan tertinggi iaitu Pembuatan produk tembakau (92.0%); dan Pembuatan produk galian bukan logam lain (86.6%). Sementara itu, kadar penggunaan kapasiti terendah dicatatkan oleh Pembuatan kenderaan bermotor, treler & semi treler pada 79.9 peratus; dan diikuti oleh industri Pembuatan kertas & produk kertas dengan 79.0 peratus. Berbanding suku tahun sebelumnya, kapasiti penggunaan industri berorientasikan domestik bertumbuh 0.1 mata peratus daripada 83.8 peratus pada suku ketiga 2024."

Kadar kapasiti penggunaan industri Pembuatan bagi tujuh buah negeri telah melepas dari kadar nasional pada suku keempat tahun 2024, iaitu WP Labuan (97.9%); Johor (84.8%); Pahang (84.6%); Selangor (84.1%); Melaka (84.0%); Negeri Sembilan (83.2%), dan Terengganu (82.8%). Manakala, kadar kapasiti penggunaan terendah dicatatkan oleh negeri Perlis sebanyak 67.4 peratus dengan penurunan 5.3 mata peratus berbanding suku yang sama tahun sebelumnya.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".


Carta 1: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan – Tahunan, Suku Tahunan dan Bulanan



Carta 2: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan mengikut Subsektor, ST4 2024 berbanding ST4 2023 dan ST3 2024




Carta 3: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan mengikut Negeri, ST4 2024



Nota: * termasuk WP Putrajaya

Carta 4: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan bagi Industri Berorientasikan Eksport dan Berorientasikan Domestik, ST1 2022 – ST4 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
25 FEBRUARI 2025**

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MANUFACTURING INDUSTRY CAPACITY UTILISATION STATISTICS FOURTH QUARTER 2024

The Manufacturing industry capacity utilisation operated at 81.8 per cent rate in the year of 2024

PUTRAJAYA, FEBRUARY 25, 2025 – The Manufacturing industry capacity utilisation operated at 81.8 per cent rate in the year of 2024, increased by 2.4 percentage points as against negative 1.0 percentage points in the last year. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of **Manufacturing Industry Capacity Utilisation Statistics, Malaysia, Fourth Quarter 2024**.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician said, “The capacity utilisation of the Manufacturing industry was 81.9 per cent in the fourth quarter of 2024, increased by 2.0 percentage points compared to the same quarter of the preceding year (Q4 2023: 79.9%). In this quarter, all sub-sectors posted capacity utilisation above 80 per cent, with the highest rate recorded by the Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products sub-sector at 84.7 per cent; followed by Textiles, wearing apparel, leather & footwear (83.4%); and Transport equipment & other manufactures (82.0%). Nevertheless, in comparison with the previous quarter, the capacity utilisation of the Manufacturing industry registering a mild declined of 0.5 percentage points (Q3 2024: 82.4%).”

The year-on-year increase in monthly capacity utilisation performance was recorded throughout the fourth quarter of 2024, which was October 2024 (81.9%; +1.5 percentage points); November 2024 (82.2%; +2.1 percentage points); and December 2024 (81.4%; +2.2 percentage points). Furthermore, factors such as low demand; insufficient supply of materials; and the repair & maintenance of machinery &

equipment remained as the main cause of the under-utilisation of capacity in the Manufacturing industry.

The Chief Statistician added, “The capacity utilisation in the export-oriented industries increased by 2.4 percentage points to 80.9 per cent (Q4 2023: 78.5%). The Manufacture of furniture registered the highest rate at 87.8 per cent, followed by the Manufacture of machinery & equipment n.e.c. (86.9%). Nonetheless, two industries recorded the capacity utilisation below 80 per cent namely Manufacture of vegetable & animal oils & fats (77.6%); and Manufacture of wood & products of wood & cork, except furniture, manufacture of articles of straw & plaiting materials (76.9%). As compared to the third quarter of 2024, the capacity utilisation rate of the export-oriented industries declined marginally by 0.9 percentage points from 81.8 per cent in the preceding quarter.

In the meantime, the capacity utilisation in the domestic-oriented industries remained positive albeit at a slower rate of 1.0 percentage points to 83.9 per cent in fourth quarter of 2024. Two industries in this segment posted the highest capacity utilisation rate namely the Manufacture of tobacco products (92.0%); and the Manufacture of other non-metallic mineral products (86.6%). Meanwhile, the lowest capacity utilisation rate was posted by the Manufacture of motor vehicles, trailers & semi-trailers at 79.9 per cent; and followed by the Manufacture of paper and paper products industry with 79.0 per cent. In comparison with the previous quarter, the capacity utilisation in the domestic-oriented industries grew by 0.1 percentage points from 83.8 per cent in the third quarter of 2024.”

The Manufacturing industry capacity utilisation for seven states surpassed the national rate in the fourth quarter of 2024, namely WP Labuan (97.9%); Johor (84.8%); Pahang (84.6%); Selangor (84.1%); Melaka (84.0%); Negeri Sembilan (83.2%); and Terengganu (82.8%). Whereas, the lowest capacity utilisation rate posted by Perlis with 67.4 per cent decreased by 5.3 percentage points as compared to the same quarter last year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Manufacturing Industry Capacity Utilisation – Yearly, Quarterly and Monthly




Chart 2: Manufacturing Industry Capacity Utilisation by Sub-sector, Q4 2024 as against Q4 2023 and Q3 2024






Chart 3: Manufacturing Industry Capacity Utilisation by State, Q4 2024



Note: * includes WP Putrajaya

Chart 4: Manufacturing Industry Capacity Utilisation of the Export-oriented and Domestic-oriented Industries, Q1 2022 – Q4 2024



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
25 FEBRUARY 2025**